

# Pihak berkuasa diminta ambil tindakan

## Terumbu karang di Pulau Kalampunian Kudat rosak akibat kapal dagang terkandas

UB 11.9.2019 5

Oleh Siti Aisyah Narudin

**KUDAT:** Penggiat sektor pelancongan di daerah ini mahu pihak berkuasa mengambil tindakan melibatkan usaha pemulihan terumbu karang di kawasan perairan di sini.

Gesaan itu berikutan kejadian sebuah kapal dagang tempatan yang terkandas di Pulau Kalampunian dekat sini akibat kerosakan pada peralatan navigasi kapal, baru-baru ini.

Pengasas Bluefin Surf and Dive Ivan Tan berkata, kejadian itu mengakibatkan kerosakan pada terumbu karang di lokasi berkenaan.

“Ia menyebabkan satu lauan baharu di kawasan itu,



**TERJEJAS:** Terumbu karang yang terjejas akibat daripada kejadian kapal dagang yang terkandas di Pulau Kalampunian Kudat.

saya fikir ia tidak terkena tapak selaman yang dinamakan ‘Nemo Point’.

“Bagaimanapun, hasil tinjauan di lokasi kejadian

semalam, kami mendapati ia menyebabkan kerosakan pada terumbu karang yang berdekatan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau turut terkejut melihat kapal dagang terbabit berada di kawasan perairan cetek semasa membawa penunggung ke lokasi itu untuk aktiviti snorkeling.

Menurutnya, kejadian yang sama pernah berlaku sekitar tahun 70-an atau 80-an tetapi kali ini ia lebih memberi kesan buruk kepada terumbu karang dan juga penyu.

Sehubungan itu, pihaknya amat berharap kerja pemulihan segera dilaksanakan terutama di kawasan yang terjejas kerana terumbu karang mengambil masa lima hingga 10 tahun untuk membesar.

Sementara itu, Pengerusi Pemuliharaan Penyu Kudat Sofia Johari berkata, berdasarkan kajian yang di-

jalankan Universiti Malaysia Sabah (UMS), kawasan yang terjejas itu adalah lokasi penting bagi perlindungan penyu hijau dan dugong.

Katanya, kerosakan di kawasan berkenaan boleh mengakibatkan kesan yang teruk kepada populasi penyu di situ dan juga penyu dari kawasan lain di rantau ini.

Pada 8 September lepas, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) bertindak membantu sebuah kapal dagang tempatan akibat terkandas di kawasan pulau terbabit.

Kejadian itu berlaku kira-kira jam 5.10 pagi ketika kapal berkenaan dalam pelayaran dari Sandakan menuju ke Kemaman Terengganu.